

06 JAN 2000

MIER-MALAYSIA

PERTUMBUHAN KDNK MALAYSIA TAHUN INI DIJANGKA 5.3 PERATUS, KATA MIER

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 6 Jan (Bernama) -- Pemulihan ekonomi Malaysia dengan asas yang meluas boleh mengekalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5.3 peratus tahun ini, kata Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Dr Mohamed Ariff.

MIER juga mungkin akan menyemak semula ramalan KDNK bagi 1999 kepada 4.8 peratus berikutan prestasi teguh suku keempat dan kajiselidik situasi perniagaan yang positif untuk tiga bulan terakhir tahun lepas, tambahnya.

"Pertumbuhan sebenar KDNK 8.1 peratus pada suku ketiga memberikan petunjuk konkrit bahawa Malaysia telah pulih daripada kemelesetan sementara pemulihan dengan asas meluas telah meningkatkan peluang mengekalkan landasan pertumbuhan," katanya di forum tinjauan prospek ekonomi serantau yang dianjurkan oleh Institut Kajian Asia Tenggara, yang berpangkalan di sini, hari ini.

Mohamed menjangkakan KDNK Malaysia pada suku keempat sekurang-kurangnya 9.0 peratus. MIER pada mulanya menganggarkan KDNK 1999 pada 3.8 peratus, sebelum menyemak semula kepada 4.8 peratus, jauh lebih tinggi daripada ramalan rasmi 4.3 peratus.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata baru-baru ini bahawa KDNK bagi 2000 mungkin mencecah atau melebihi 5.0 peratus.

Ketua MIER itu juga berkata untuk jangka panjang, Malaysia mungkin mahukan kadar pertumbuhan yang lebih mapan di sekitar 6.5 peratus bagi mengelak kehangatan ekonomi yang berlebihan.

Tinjauan prospek bagi tahun ini masih cerah kerana permintaan luar, terutamanya untuk elektronik, di mana Malaysia adalah pengeluar terbesar dunia, dijangka dikekalkan.

Walaupun ekonomi Amerika Syarikat adalah sederhana, katanya, peningkatan ekonomi Jepun dan Eropah serta pemulihan Asia akan menyokong pemulihan Malaysia. Lebih dari separuh eksport Malaysia pergi ke Asia.

Kesan dasar pengembangan kerajaan akan terus dirasakan tahun ini dengan kadar faedah yang rendah dikekalkan memandangkan kadar inflasi yang rendah juga, katanya.

Mohamed juga menjangkakan penggunaan swasta akan tumbuh 7.8 peratus tahun ini daripada 2.9 peratus pada 1999 berikutan peningkatan pendapatan dan kekayaan, keyakinan dan kesan berterusan kadar faedah yang rendah.

Pembentukan kasar modal tetap dijangka memantul dengan pertumbuhan 8.2 peratus sementara pelaburan swasta melonjak 9.6 peratus berikutan pemulihan korporat.

Pada 1999, pembentukan kasar modal tetap pulih pada suku ketiga, selepas menguncup selama enam suku tahunan, dan dijangka mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak 1.4 peratus tahun itu, katanya.

MIER juga menjangkakan penurunan perbelanjaan fiskal apabila kerajaan yakin sektor swasta kembali ke landasan pertumbuhan.

Mohamed berkata tahap pasak ringgit dan kawalan tukaran mungkin tidak akan dilakukan dalam tempoh terdekat kerana ia disifatkan sebagai menyumbang kepada pemulihan.

Beliau berkata cabaran yang lebih besar kini adalah bagaimana hendak memansuhkan kawalan tukaran asing, langkah yang termasuk memasak tukaran ringgit pada RM3.80 bagi satu dolar Amerika yang dikenakan pada September 1998 untuk melindungi ekonomi Malaysia semasa krisis kewangan.

Antara kebimbangan yang masih wujud, kata Mohamed, adalah proses penggabungan bank dan bagaimana Danaharta Nasional Bhd akan melupuskan

aset-aset bernilai berbillion ringgit tanpa menggugat pasaran hartanah.

Danaharta ditubuhkan kerajaan untuk memperoleh pinjaman tidak berbayar sektor perbankan. -- BERNAMA

TCL JR